



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Pemasyhuran di bawah bab 52(2))



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

DENGAN KURNIA ALLAH, BETA, SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT MAHKOTA BRUNEI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT LAILA UTAMA YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT SERI UTAMA YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SERI UGAMA ISLAM NEGARA BRUNEI YANG AMAT BERSINAR, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA LAILA JASA KEBERANIAN GEMILANG YANG AMAT CEMERLANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA KEBERANIAN LAILA TERBILANG YANG AMAT GEMILANG, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PAHLAWAN NEGARA BRUNEI YANG AMAT PERKASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SETIA NEGARA BRUNEI YANG AMAT BAHAGIA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH PADUKA SERI LAILA JASA YANG AMAT BERJASA, RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH SERI PADUKA MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA, RAJA DAN KEPALA BAGI

DARJAH PERWIRA AGONG NEGARA BRUNEI YANG AMAT SETIA, HONORARY KNIGHT GRAND CROSS OF THE MOST HONOURABLE ORDER OF THE BATH (UNITED KINGDOM), HONORARY KNIGHT GRAND CROSS OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE (UNITED KINGDOM), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (MALAYSIA), COLLAR OF THE SUPREME ORDER OF THE CHRYSANTHEMUM (JEPUN), THE ORDER OF AL-HUSSEIN BIN ALI (JORDAN), THE CIVIL ORDER OF OMAN, FIRST CLASS (OMAN), AL-KHALIFIA (BAHRAIN), OUISSAM EL MOHAMMDI GRAND COLLIER (MOROCCO), THE MOST AUSPICIOUS ORDER OF THE RAJAMITRABHORN (THAILAND), THE GREAT COLLAR OF BADR (ARAB SAUDI), KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF THE SERAPHIM (SWEDEN), GRAND ORDER OF MUGUNGHWA (REPUBLIK KOREA), BINTANG REPUBLIK INDONESIA ADIPURNA (REPUBLIK INDONESIA), COLLAR OF THE NILE (REPUBLIK ARAB MESIR), THE ANCIENT ORDER OF SIKATUNA RANK OF RAJAH (REPUBLIK FILIPINA), THE ORDER OF TEMASEK, FIRST CLASS (REPUBLIK SINGAPURA), NISHAN-E-PAKISTAN (REPUBLIK ISLAM PAKISTAN), GRAND CROIX LEGION D'HONNEUR (REPUBLIK PERANCIS), GRAND CROSS SPECIAL CLASS OF THE ORDER OF MERIT (REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN), THE ORDER OF PRINCE YAROSLAV THE WISE, FIRST CLASS (UKRAINE), DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI (KELANTAN), DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI (JOHOR), DARJAH KERABAT YANG UTAMA (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT SERI INDERA MAHKOTA PAHANG YANG AMAT DIHORMATI (PAHANG), DARJAH KERABAT SELANGOR YANG UTAMA (SELANGOR), DARJAH KERABAT BAGINDA SYED PUTRA (PERLIS), DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI (PERAK), DARJAH KEBESARAN KERABAT TERENGGANU YANG AMAT MULIA (TERENGGANU), DARJAH KERABAT YANG AMAT MULIA (KEDAH), DARJAH UTAMA BINTANG SARAWAK (SARAWAK), SERI PANGLIMA DARJAH KINABALU (SABAH), DARJAH PANGLIMA GAGAH ANGKATAN TENTERA (MALAYSIA), DARJAH UTAMA BAKTI CEMERLANG (TENTERA) (REPUBLIK SINGAPURA), THE PHILIPPINES LEGION OF HONOUR (DEGREE OF CHIEF COMMANDER) (REPUBLIK FILIPINA), Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Berdaulat dan Wilayahnya serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya.

BAHAWASANYA menurut ceraiian (2) bab 52 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, adalah diperuntukkan bahawa tiap-tiap musim permesyuaratan bagi Majlis Mesyuarat Negara hendaklah diadakan pada tempat dan hendaklah bermula pada masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari masa ke semasa, dengan notis yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*;

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, BETA pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada BETA oleh Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dengan ini menetapkan 10 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam 1425 bersamaan dengan 25 haribulan September, 2004 sebagai tarikh bermulanya musim permesyuaratan bagi Majlis Mesyuarat Negara yang akan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Bandar Seri Begawan, pada jam 8.30 pagi.

Diperbuat di Istana Nurul Iman BETA, Bandar Seri Begawan, pada hari ini 26 haribulan Rejab, Tahun Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam 1425 bersamaan dengan hitungan Masihi 11 haribulan September, 2004, iaitu tahun ketiga puluh-tujuh BETA di atas Takhta Kerajaan.